

Yuserrie dilantik semula Naib Canselor UMPSA

November 2, 2023 11:00 MYT



Prof Datuk Yuserrie Zainuddin dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

KUALA LUMPUR: Prof Datuk Yuserrie Zainuddin dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pelantikan semula itu bagi tempoh satu tahun berkuat kuasa mulai 1 November 2023 hingga 31 Oktober 2024.

"Pelantikan semula ini bagi membolehkan Yuserrie meneruskan perancangan untuk memacu UMPSA sebagai sebuah universiti teknikal yang berteraskan teknologi dan kejuruteraan khususnya dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan, pada Khamis.

KPT dalam pada itu yakin dengan pelantikan semula Yuserrie sebagai Naib Canselor UMPSA dapat memperkasakan sistem kemahiran nasional melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang bersifat kalis masa depan.

[#UMPSA](#) [#Yuserrie Zainuddin](#) [#Naib Canselor](#) [#Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah](#)